



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : TEKNOLOGI BINAAN**  
**KOD KURSUS : DSB1083**  
**PEPERIKSAAN : JUN 2024**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:     BAHAGIAN A (20 Markah)  
   BAHAGIAN B (40 Markah)  
   BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---




**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan bergambar.

Labelkan rajah-rajah di bawah dengan menulis jawapan di dalam Buku Jawapan.


**SOALAN 1**



**Rajah 1: Lantai**

(5 markah)


**SOALAN 2**



**Rajah 2: Dinding**

(5 markah)


SOALAN 3



Rajah 3: Pintu

(5 markah)

SOALAN 4



Rajah 4: Bumbung

(5 markah)

[ 20 MARKAH ]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **SEBELAS (11)** soalan.

Jawab **semua** soalan dan lakarkan rajah bagi membantu jawapan.

Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

1. Huraikan definisi lantai. (2 markah)
2. Tuliskan **tiga (3)** ciri-ciri lantai. (3 markah)
3. Terangkan secara ringkas kemasan lantai berikut:
  - a. Vinil
  - b. Jubin
  - c. Lepa simen
  - d. Parket
  - e. Terazo (10 markah)
4. Nyatakan binaan dinding bangunan yang merintang aliran bunyi. (2 markah)
5. Terangkan kaedah pembinaan Tembok Pasang Siap. (3 markah)
6. Jelaskan mengenai binaan lubang leleh dan apron dalam binaan tembok penahan. (4 markah)
7. Huraikan definisi siling bangunan. (2 markah)
8. Terangkan **dua (2)** fungsi siling. (4 markah)
9. Tuliskan **dua (2)** ciri-ciri pintu bangunan. (2 markah)
10. Senaraikan **empat (4)** jenis tangga utama dalam pembinaan. (4 markah)
11. Lakarkan mana-mana **dua (2)** jenis tangga yang telah disebut di atas. (4 markah)


[ 40 MARKAH]

## BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.


## SOALAN 1



Rajah 5

- a. Berdasarkan **Rajah 5** di atas, huraikan pembinaan lantai atas konkrit berdasarkan bahan dan susunan besi tetulang. (4 markah)
- b. Nyatakan **empat (4)** kesan kelembapan yang berlaku pada pembinaan bangunan. (4 markah)


## SOALAN 2



Rajah 6

- a. Berdasarkan **Rajah 6**, terangkan mengenai dinding batu bata galas beban. (4 markah)
- b. Dalam pembinaan dinding bata, terdapat bukaan tertentu seperti pintu dan tingkap. Terangkan dengan ringkas cara pemasangan bukaan dinding menggunakan ambang (*lintel*). Lakarkan rajah bagi membantu jawapan. (4 markah)

## SOALAN 3



Rajah 7

- a. **Rajah 7** merupakan kilat yang menyambar struktur binaan yang tinggi. Tenaga dari kilat ini sangat berbahaya kepada penghuni bangunan tinggi terutamanya di kawasan tropika bumi. Huraikan secara terperinci rekaan bumbung bangunan-bangunan tinggi bagi menghadapi masalah ini. Lakarkan rajah bagi menyokong huraian anda. (4 markah)


- b. Lukiskan **dua (2)** jenis kerangka bumbung curam yang digunakan dalam binaan bangunan. (4 markah)

#### SOALAN 4

Siling merupakan binaan yang penting bagi sebuah bangunan. Siling mampu menghalang haba panas dari memasuki ruang dalam bangunan.

- a. Cadangkan siling yang sesuai bagi sebuah bangunan pejabat dua tingkat. Terangkan secara terperinci mengenai binaan siling tersebut. (4 markah)
- b. Bagi menguatkan jawapan anda di atas, huraikan **dua (2)** fungsi atau kelebihan binaan siling tersebut. (4 markah)

#### SOALAN 5



**Rajah 8**

- a. **Rajah 8** di atas menunjukkan pemasangan anak tangga kayu. Terangkan secara terperinci kaedah binaan tersebut dan fungsi blok glu serta pendakap yang dipasang pada anak tangga tersebut.



**SULIT**

**SKSK/JUN2024/DSB1083**

(4 markah)

- b. Hitungkan ukuran jarak jejak bagi sebuah tangga yang mempunyai naik setinggi 165mm. Gunakan formula  $2N + J = 600$ .

(4 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**SULIT**

